



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PETANDINGAN
PENDIDIKAN HIJAU DIGITAL SEKOLAH PIALA
DATUK BANDAR

TARIKH / MASA / TEMPAT
06 NOVEMBER 2019 (RABU)
11.00 PAGI

AUDITORIUM MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir. Hj Rosnani Binti Hj Mahmud

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Mulia Raja Shamsudin Bin Raja Salleh

Ketua Penolong Pengarah, Sektor Pembangunan Kemanusiaan

Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang

Yang Berusaha Profesor Madya Dr. Che Zalina Binti Zulkifli

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Ketua–Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Pegawai-Pegawai dan Pasukan

Daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris

Kakitangan-Kakitangan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Guru-Guru dan Murid-Murid Sekolah Yang Menyertai e-Permainan Pendidikan Hijau

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikumwarahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Pendidikan Hijau Digital Sekolah Piala Datuk Bandar di Menara MBSP Bandar Perda.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Mulia Raja Shamsudin Bin Raja Salleh, Ketua Penolong Pengarah, Sektor Pembangunan Kemanusiaan, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang; Profesor Madya Dr. Che Zalina Binti Zulkifli daripada Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif, Jabatan Komputeran, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim dan pasukan beliau; guru-guru dan peserta-peserta yang terdiri dari murid-murid sekolah, tuan-tuan dan puan-puan kerana sudi meluangkan masa untuk hadir bersama-sama memeriahkan majlis kita pada pagi yang barakah ini.

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Program Pertandingan Pendidikan Hijau Digital ini merupakan satu kerjasama strategik MBSP dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan juga Kementerian Pendidikan yang menggunakan pendekatan *smart partnership* melalui konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*). Program Pendidikan Hijau Digital adalah merupakan program pertama seumpama ini yang diperkenalkan di sekolah-sekolah di Malaysia. Ianya merupakan inovasi yang harus diberi penghargaan dan diperluaskan kesemua sekolah-sekolah di Malaysia.

Kerjasama strategik atau *strategic alliance* MBSP dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), telah berjaya menterjemah teknologi kepada sesuatu yang bermanfaat untuk menyelesaikan isu alam sekitar. Pendidikan Hijau Digital adalah merupakan hasil pelaksanaan Industri 4.0 di MBSP. Ucapan Tahniah dan sekalung penghargaan kepada pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). SYABAS! Khususnya kepada Yang Berusaha Profesor Madya Dr. Che Zalina Binti Zulkifli daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Pada tanggal 16 September 2019 (Isnin), Seberang Perai telah mencipta satu sejarah baru dengan pengisytiharan sebagai sebuah bandaraya. Dengan pengisytiharan ini, Majlis Bandaraya Seberang Perai menjadi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ke-15 daripada 150 PBT yang bertaraf bandaraya. Hala tuju MBSP adalah jelas iaitu mensasarkan untuk mengurangkan 50% pelepasan karbon menjelang tahun 2022 iaitu pengurangan penghasilan karbon daripada **8.0 tan CO₂e per kapita** kepada **4.0 tan CO₂e per kapita**. Selain itu, sasaran menjadi *carbon neutral city* pada tahun 2030, iaitu 10 tahun dari Januari 2020 dan menjadi *zero carbon city* pada tahun 2050. MBSP juga komited untuk bersama bandaraya-bandaraya lain di dunia untuk menangani perubahan cuaca supaya dapat menghadkan pemanasan global kurang daripada *1.5 degree Celcius*.

Pendidikan Hijau Digital Peringkat Sekolah ini adalah salah satu program bagi meningkatkan kesedaran sekolah dalam menjayakan Sekolah Hijau. Pendidikan Hijau Digital merupakan satu alat Permainan Pendidikan dalam bentuk digital (*Digital Education Tools*) yang dikenali sebagai *Edutainment*. Permainan Pendidikan Hijau Digital ini berasaskan pembelajaran pedagogi pendidikan dan perlu diselesaikan dalam masa yang ditetapkan. Ianya menggunakan konsep permainan (*games*) berbentuk

pengembaraan dan pengujian pengetahuan. Sebanyak tiga jenis permainan telah dibentuk di bawah Pendidikan Hijau Digital, iaitu pengkomposan (*compost hero*), perang terhadap sampah (*rubbish war*) dan pencemaran lautan (*ocean pollution*). Murid-murid boleh bermain sambil belajar dan markah akan diberikan bagi murid yang dapat tamatkan permainan dalam masa yang ditetapkan.

Pertandingan Pendidikan Hijau Digital Peringkat Sekolah yang dilancarkan pada 13 April 2019 telah menarik penyertaan daripada 153 sekolah iaitu 108 sekolah rendah dan 45 sekolah menengah. Jumlah murid yang menyertai permainan (*e-games*) telah mencapai seramai 3,471 murid. Sebanyak sembilan (9) sekolah iaitu enam (6) sekolah menengah dan tiga (3) sekolah rendah telah berjaya menyertai pertandingan akhir yang diadakan pada 6 November 2019.

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Pemenang-pemenang akan membawa pulang hadiah wang tunai dan sijil kepujian di mana Johan pertandingan akan mendapat hadiah Oven Elektrik bernilai RM500.00 dan sijil kepujian; Naib Johan akan mendapat CD *player* bernilai RM300.00 dan sijil kepujian; dan tempat Ketiga mendapat *Microwave Oven* bernilai RM200.00 dan sijil kepujian. Selain itu, untuk

Inovasi disediakan dua (2) hadiah *Food Steamer* bernilai RM100.00 dan sijil kepujian; dan sebanyak sepuluh (10) hadiah saguhati berupa Kipas Meja bernilai RM80.00 dan sijil kepujian.

Dua (2) hadiah wang tunai disediakan bagi pemenang kategori sekolah rendah dan menengah iaitu bagi Johan sebanyak RM600.00, Naib Johan sebanyak RM400.00 dan tempat ketiga sebanyak RM300.00. Bagi murid-murid yang memenangi setiap permainan iaitu *compost hero*, *ocean clean up* dan *rubbish war* akan mendapat RM200.00 bagi peringkat sekolah rendah dan peringkat sekolah menengah.

Sambutan terhadap Pendidikan Hijau Sekolah Digital didapati amat memuaskan dan adalah dicadangkan agar pada tahun hadapan pertandingan ini dibuka untuk penyertaan mulai Januari hingga Mei dan pertandingan akhir diadakan pada bulan Jun 2019.

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Kepada para pemenang saya ucapkan Syabas dan Tahniah dan yang tidak berjaya boleh mencuba lagi di lain masa. *“Knowledge Is Power”*. Jangan kerana hadiah, anak-anak masuk ke dalam program ini tetapi biarlah

kerana kita ingin mencari ilmu, mewujudkan kesedaran dan rasa tanggungjawab kerana ianya akan menjadi lebih bermakna.

Terima kasih kepada rakyat yang telah menyokong semua usaha yang telah dibuat oleh MBSP selama ini dan menyeru penglibatan seluruh warga Seberang Perai untuk menyokong inisiatif-inisiatif yang direncanakan oleh MBSP ke arah pembentukan sebuah Bandaraya Rendah Karbon di Seberang Perai menjelang tahun 2022. Terima kasih sekali lagi kepada Yang Mulia Raja Shamsudin Bin Raja Salleh, Ketua Penolong Pengarah, Sektor Pembangunan Kemanusiaan, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang; Profesor Madya Dr. Che Zalina Binti Zulkifli daripada Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif, Jabatan Komputeran, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim dan pasukan beliau; guru-guru dan peserta-peserta yang terdiri dari murid-murid sekolah, tuan-tuan dan puan-puan atas kerjasama dan sokongan yang diberikan dalam menjayakan program Pendidikan Pendidikan Hijau Sekolah Digital ini. Kepada para murid yang mengambil bahagian, saya mengharapkan agar anda semua meneruskan usaha murni anda dalam penjagaan alam sekitar.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, ingin saya nyatakan di sini bahawa Seberang Perai telah mencapai satu kemuncak dalam penitiran evolusi bandar. Seberang Perai telah mencapai taraf

bandaraya dari usaha gigih warga kerja MBSP, pimpinan yang berwawasan dan rakyat yang bermuafakat. Saya mengharapkan agar anugerah ini dapat dipertahankan bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat bagi mencapai **“Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”** atau **“Seberang Perai Aspiring City Of Tomorrow”**.

Sekian,

**Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.**

Terima kasih.